

# UPM galak pertanian bandar

**KETIDAKCUKUPAN** kawasan pertanian dan kenaikan mendadak harga makanan sepanjang dekad lalu memberikan ilham kepada saintis dan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk membangunkan pelbagai kaedah terbaik bagi membolehkan masyarakat bandar melaksanakan aktiviti pertanian pada skala besar, tidak sekadar untuk keperluan seharian tetapi juga mampu menjana ekonomi.

Bagi menarik minat masyarakat bandar menjadikan aktiviti pertanian ke arah dinamik, UPM melalui Fakulti Pertanian memberikan khidmat latihan dan tunjuk ajar mengenai konsep serta kaedah pertanian bandar.

Dekannya, Prof Dr Abdul Shukur Juraimi yang mengetuai penyelidikan membangunkan kepelbagaian kaedah pertanian dalam persekitaran yang terhad berkata, ia boleh digelar sebagai pertanian tanpa tanah.

Menurutnya, walaupun kawasan halaman depan dan belakang rumah di bandar tidak ekonomik, penduduk masih boleh memaksimumkan penggunaan tanah dengan mengamalkan kaedah penanaman secara menegak, bertingkat (*multitier*) atau secara menggantung bagi apa sahaja jenis sayuran atau buah yang sesuai seperti salad, timun, terung, tomato dan tembikai.

"Mereka juga boleh menggunakan sistem bersepadu yang menggabungkan kaedah akuakultur dengan penanaman sayur-sayuran serentak atau lebih dikenali sebagai *'piscaponics'*."

"Mereka juga boleh mendirikan rumah hijau pintar yang menggabungkan penggunaan teknologi tinggi seperti pengesan (*sensor*) dan tenaga solar," katanya selepas majlis pelancaran

program Outreach iM4u untuk belia oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak.

Beliau berkata, pihaknya juga mengajar cara-cara membuat kompos daripada sisa bahan organik dan dapur serta melaksanakan kaedah pemuliharaan air hujan.

Dalam pada itu, katanya, UPM juga melaksanakan kaedah serampang dua mata yang mana penuntut UPM dilatih dan bertindak sebagai sukarelawan bagi menjana sebuah gerakan di seluruh negara dalam membangunkan pertanian berskala besar di bandar.

"Penuntut UPM akan menjadi pemangkin atau ejen perubahan bagi meningkatkan pengeluaran bahan makanan negara demi menjamin kecukupan dan keselamatan makanan negara," katanya.

Tambahnya lagi, terdapat banyak kelebihan dan manfaat dengan mengguna pakai konsep pertanian jenis ini, khususnya kepada masyarakat yang tinggal di bandar dan sumbangan kepada penjana ekonomi negara amnya.

● **SUMBER: PORTAL BERITA UPM**



**Najib (kanan) ketika merasmikan konsep pertanian bandar.**